

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)78

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

78. Apakah status terkini aplikasi Masjid Pro yang dilangan oleh masjid-masjid di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan masjid yang menggunakan aplikasi ini.
 - (b) Berapakah bayaran yang telah dibayar untuk membangunkan sistem ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

78. Aplikasi Masjid Pro Penang merupakan sebuah perisian yang digunakan khusus untuk pihak pengurusan masjid dan juga ahli kariah setempat. Pembangunan Sistem Pengurusan Masjid Pro Penang merupakan satu inovasi dan inisiatif pihak syarikat dalam membantu pihak masjid menguruskan segala hal berkaitan pentadbiran dan pengurusan kariah setempat sehingga ke pengurusan masjid. Antara fungsi utama aplikasi Masjid Pro Penang adalah seperti berikut:

- (i) Lapor kematian (ahli kariah boleh membuat laporan kematian sekiranya berlaku kematian di kawasan sekitar untuk tindakan pihak masjid selanjutnya);
- (ii) Mohon temu janji;
- (iii) Info terkini;
- (iv) Mohon bantuan (memohon bantuan daripada pihak masjid sekiranya mengalami kesulitan); dan
- (v) Infaq dan bantuan (pemberian infaq dan bantuan untuk pembangunan / program / aktiviti masjid kariah) dan banyak lagi.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) memaklumkan bahawa semua masjid yang melaksanakan sistem Masjid Pro masih mengguna pakai sistem yang dibangunkan dengan amat baik dalam melancarkan segala urusan pentadbiran masjid.

- (a) Sebanyak 55 buah masjid terdiri daripada pelbagai daerah telah melaksanakan Sistem Masjid Pro di Pulau Pinang. Senarai masjid mengikut daerah yang telah melaksanakan Sistem Masjid Pro adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bilangan 2/2021 telah memutuskan Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan membiayai sebahagian daripada kos yang terlibat sehingga pembiayaan maksimum RM5,000.00 bagi satu masjid. Setakat ini ZPP telah memperuntukkan sebanyak RM225,000.00 bagi pembiayaan 45 buah masjid yang telah menggunakan sistem ini dan 10 masjid masih dalam proses pembayaran dengan anggaran jumlah sebanyak RM50,000.00. Jumlah keseluruhan bagi 55 buah masjid adalah sebanyak RM275,000.00

Di samping itu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sedang ke arah penjenamaan semula Sistem Masjid Pro Penang ke MAINPP *Integrated Management System* (Sistem Pengurusan MAINPP Bersepadu). Sistem ini akan mengintegrasikan sistem di antara agensi-agensi Islam di negeri Pulau Pinang antaranya Zakat Pulau Pinang (ZPP), Wakaf Pulau Pinang (WPP), Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Sistem ini juga akan diselaraskan dengan infrastruktur sistem di MAINPP dan agensi.